

TERMA DAN SYARAT

"Program CIMB Private Wealth: Power Up Wealth"

1. **"Program CIMB Private Wealth: Power Up Wealth" ("Program")** dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (**"CIMB Bank"**) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (**"CIMB Islamic"**). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah dirujuk secara kolektif di sini sebagai (**"CIMB"**).

Tempoh Program

2. Program ini akan berlangsung dari **16 Jun 2025 hingga 31 Ogos 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (**"Tempoh Program"**).

Kelayakan

3. Program ini terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada dalam Segmen CIMB *Private Wealth* yang memenuhi kriteria kelayakan berikut mengikut kategori masing-masing dalam Tempoh Program (**"Pelanggan Layak"**):
 - a. **Kategori 1:** Pelanggan yang tidak mempunyai sebarang pegangan Pengurusan Kekayaan (**"WM"**) seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 4 pada 31 Disember 2024 dan berterusan tidak mempunyai sebarang pegangan WM sehingga tarikh semasa sepanjang Tempoh Program; ATAU
 - b. **Kategori 2:** Pelanggan yang tidak melakukan sebarang Transaksi Pelaburan dengan CIMB lebih daripada dua belas (12) bulan dari bulan permulaan Tempoh Program.
4. WM adalah ditakrif sebagai jumlah Pelaburan dan Bankasurans/Bankatakaful seperti berikut:
 - a. **Pelaburan** dalam mana-mana produk pelaburan terpilih Bank dan/ atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan (untuk akaun bersama, Pelanggan mestilah merupakan pemegang akaun utama)
 - b. **Bankasurans/Bankatakaful** dalam produk Insurans Hayat terpilih Bank berdasarkan premium tahunan terkumpul tahun pertama dan/atau produk Takaful Keluarga CIMB Islamic berdasarkan sumbangan tahunan terkumpul tahun pertama di mana Pelanggan adalah pemilik polisi/sijil/ kontrak.

Produk Pelaburan dan Bankasurans/Bankatakaful yang terpilih boleh disemak di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my.

5. Walau apa pun Klausula 3, orang/entiti berikut TIDAK layak untuk menyertai Program ini:-
 - a. Perusahaan kecil dan sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan/persatuan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; dan/atau
 - b. Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - c. Orang Amerika Syarikat seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin):-
 - i. Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, termasuk mana-mana orang dengan domisil Amerika Syarikat; atau
 - ii. Mana-mana orang dengan alamat surat-menyurat akaun Amerika Syarikat; atau
 - iii. Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - iv. Mana-mana orang yang memenuhi *"substantial presence test"*, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31 hari) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
 - v. Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang Amerika Syarikat untuk tujuan Cukai Amerika Syarikat; dan/atau

Dengan menyertai Program ini, Pelanggan Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa mereka tidak tergolong dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

6. Berhubung dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun yang dinamakan di kedudukan pertama iaitu pemegang akaun utama ("**Pemegang Akaun Utama**") layak menyertai Program ini. Untuk tujuan Program ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak layak untuk menyertai Program ini.

Mekanisme Program

7. Pelanggan Layak berpeluang menerima ganjaran hadiah ("**Hadiah**") berikut mengikut kategori masing-masing tertakluk kepada Klausula 3 dengan memenuhi kriteria berikut berdasarkan produk yang ditentukan di bawah ("**Produk Penyertaan**") sepanjang Tempoh Program:-
 - a. Membuat jumlah transaksi minimum sebanyak RM250,000 dalam Dana Unit Amanah/Dana Unit Amanah Patuh Syariah ("**UT**"); ATAU
 - b. Membuat jumlah transaksi minimum sebanyak RM500,000 dalam Produk Berstruktur/Produk Berstruktur Islamik atau Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung/Instrumen Islamik Boleh Niaga ("**SP/SP-i/FRNID/INI**") dan/atau Bon/Sukuk ("**Bon**") sepanjang Tempoh Program.

Jumlah transaksi boleh dikumpulkan seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 7(a) atau (b) sepanjang Tempoh Program.

Hadiah mengikut kategori adalah seperti berikut:-

Kategori	Hadiah
1	1x Delonghi Stilosa Manual Pump Coffee Machine EC230.BK bernilai RM499
2	1x of Bacha Coffee Bag Giftbox set (2x Giftbox) bernilai RM236

Contoh Senario:-

Pelanggan	Kategori	Bulan 1	Bulan 2	Jumlah Pelaburan	Kelayakan Hadiah Pelanggan Layak
A	1	RM250,000 dalam UT	-	RM250,000 dalam UT	1x Delonghi Stilosa Coffee Machine
B	2	RM150,000 dalam UT	RM100,000 dalam UT	RM250,000 dalam UT	1x of Bacha Coffee Bag Giftbox set (2x Giftbox)
C	1	RM300,000 dalam SP/SP-i/FRNID/INI	RM200,000 dalam UT	RM300,000 dalam SP/SP-i/FRNID/INI dan RM200,000 dalam UT	Tidak layak
D	1	RM300,000 dalam SP/SP-i/FRNID/INI	RM200,000 dalam Bon	RM500,000 dalam SP/SP-i/FRNID/INI dan Bon	1x Delonghi Stilosa Coffee Machine
E	2	RM200,000 dalam UT	RM300,000 dalam Bon	RM200,000 dalam UT dan RM300,000 dalam Bon	Tidak layak

8. Setiap Pelanggan Layak hanya layak untuk memperolehi satu (1) Hadiah untuk Program ini.
9. Jumlah Hadiah yang disediakan di bawah Program ini **dihadkan pada 300 unit untuk Kategori 1 dan 200 set untuk Kategori 2** dan akan diberikan kepada Pelanggan Layak yang memenuhi keperluan seperti dinyatakan dalam Klausula 7 di atas. Jika jumlah Hadiah tidak mencukupi untuk memenuhi jumlah Pelanggan Layak yang memenuhi keperluan Klausula 7, Hadiah akan diberikan berdasarkan Pelanggan Layak yang memenuhi keperluan terlebih dahulu sepanjang Tempoh Program.

10. Program ini tidak sah bersama dengan mana-mana Program, tawaran, promosi (jika ada) dan/atau keistimewaan lain (cth. kadar kakitangan CIMB) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan Produk Sertaan, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.
11. Produk Penyertaan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").
12. Sebarang wang yang dikeluarkan dari deposit yang diinsuranskan/dilindungi untuk tujuan membeli Produk Penyertaan tidak lagi dilindungi oleh PIDM.
13. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai untuk **Produk UT Penyertaan**:
 - a. Pelaburan dalam Produk UT Penyertaan bukanlah kewajiban, dijamin atau dilindungi oleh CIMB dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.
 - b. Pelanggan Layak dinasihatkan untuk melakukan perkara berikut sebelum melabur dalam Produk UT Penyertaan:
 - i. untuk membaca terma dan syarat Produk UT Penyertaan;
 - ii. untuk mempertimbangkan semua fi dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
 - iii. untuk menilai kebaikan dan risiko sebarang pelaburan berdasarkan penilaian mereka sendiri.
 - c. Prestasi lepas Produk UT Penyertaan bukanlah petunjuk prestasi masa depan dan pengagihan pendapatan tidak dijamin.
 - d. Pelanggan Layak yang ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil harus segera berunding dengan penasihat profesional mereka.
 - e. Pelanggan Layak dikehendaki mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam Produk UT Penyertaan.
 - f. Dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA):
 - i. tidak melindungi Pelanggan Layak; dan
 - ii. tidak meliputi Pelanggan Layak yang telah mengalami kerugian kewangan akibat daripada penyelewengan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara penipuan, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil CIMB.
 - g. Sekiranya Pelanggan Layak melaksanakan hak bertenang (cooling-off right) atau pelaburan ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas sebarang sebab dalam Tempoh Tawaran, Pelanggan Layak tidak berhak untuk mendapatkan Kadar Preferensial Deposit Jangka Panjang di bawah Program ini. "Tempoh bertenang" merupakan tempoh enam (6) hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan Dana Unit Amanah Penyertaan oleh Pelanggan Layak oleh CIMB.
 - h. Pelanggan Layak yang melabur dalam mana-mana Dana UT Penyertaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) - Skim Pelaburan Ahli tidak berhak untuk menyertai Program ini.
 - i. Pelanggan Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU CIMB boleh:
 - i. rujuk kes tersebut kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti ("SIDREC"); atau
 - ii. rujuk kes kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan selepas menerima keputusan akhir dari CIMB atau selepas 60 hari kalendar dari tarikh aduan diajukan kepada CIMB yang mana tiada balasan diterima oleh Pelanggan Layak; atau
 - iii. mengemukakan aduan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Aduan Suruhanjaya Sekuriti walaupun Pelanggan Layak telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC.
14. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada Produk **SP/SP-i/FRNID/INI Penyertaan**:
 - a. Jika Produk SP/SP-i/FRNID/INI Penyertaan ialah produk dengan perlindungan prinsipal, prinsipal tersebut akan dilindungi berdasarkan usaha terbaik sekiranya pelaburan dipegang hingga tempoh matang. Pulangan ke atas pelaburan Pelanggan Layak akan dipengaruhi oleh prestasi aset/rujukan asas. Jika pelaburan itu ditebus atau dijual sebelum tempoh matang, pelanggan mungkin akan kehilangan sebahagian dari harga jualan.
 - b. Jika Produk SP/SP-i/FRNID/INI Penyertaan ialah produk tanpa perlindungan prinsipal, pulangan ke atas produk tersebut akan dipengaruhi oleh prestasi aset/rujukan asas, dan pemulihan pelaburan Pelanggan Layak mungkin terjejas sekiranya Pelanggan Layak membuat penebusan awal.
 - c. Semua risiko, kerugian dan kerosakan yang berkaitan dengan Produk SP/SP-i/FRNID/INI Penyertaan harus ditanggung dan dipikul oleh Pelanggan Layak.
 - d. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam Produk SP/SP-i/FRNID/INI Penyertaan yang berkenaan, yang berasingan daripada Terma dan Syarat di sini.

15. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada **Produk Bon Penyertaan**:

- a. Bon bukan produk deposit bank dan bukan instrumen yang dilindungi prinsipal. Pelanggan Layak mungkin akan kehilangan sebahagian atau keseluruhan pelaburan awal.
- b. Sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan/dilindungi untuk tujuan pembelian pelaburan dalam Produk Layak bukanlah obligasi, jaminan atau diinsuranskan oleh CIMB dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.
- c. Pelanggan Layak dinasihatkan untuk melakukan perkara berikut sebelum melabur dalam Produk Layak:
 - i. membaca terma dan syarat Produk Layak;
 - ii. mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
 - iii. menilai kelebihan dan risiko setiap pelaburan berdasarkan penilaian sendiri.
- d. Prestasi lalu Produk Layak bukanlah petunjuk prestasi masa depan dan pengagihan pendapatan tidak dijamin.
- e. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam produk yang berkaitan di bawah Program in, yang berasingan daripada terma dan syarat di sini.

Hadiah

16. Penerangan tentang Hadiah yang Pelanggan Layak berhak mendapat, dinyatakan dalam jadual di bawah:-

Hadiah	Kuantiti	Penerangan Item
Kategori 1: Delonghi Stilosa Manual Pump Coffee Machine EC230.BK	1	- Tekanan 15 Bar, Dandang keluli tahan karat, Alat krema dipatenkan, Tangki boleh tanggal 1L, sesuai untuk "ESE", pembuih susu manual - Dimensi Produk (CM): 21 x 29 x 34 - Warna: Hitam - Waranti: 1 tahun
Kategori 2: Bacha Coffee Bag Giftbox set (2x Giftbox)	1	2x Kotak Hadiah dengan 12 uncang kopi setiap satu

17. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau iklan hanya untuk tujuan visual atau ilustrasi sahaja dan warna/reka bentuk mungkin berbeza daripada Hadiah yang sebenar yang diterima. CIMB boleh menggantikan Hadiah-Hadiah dengan item lain yang mempunyai nilai yang sama dan apabila CIMB berbuat demikian, CIMB akan memaklumkan Pelanggan Layak.
18. Pelanggan Layak tidak dibenarkan memilih atau menukar warna, model, atau perisa Hadiah yang diberikan semasa pengambilan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 24 di bawah.
19. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB menafikan sebarang pernyataan, waranti atau pengendorsan, tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, tentang Hadiah-Hadiah.
20. Penggunaan dan akses kepada Hadiah-Hadiah tertakluk kepada terma dan syarat penjual, pengeluar, atau pembekal. Pelanggan yang Layak hendaklah merujuk kepada penjual, pengeluar, atau pembekal Hadiah-Hadiah untuk sebarang aduan berkaitan dengan Hadiah-Hadiah.
21. Hadiah akan dihantar ke cawangan Pengurus Perhubungan Pelanggan Layak di mana status CIMB Preferred beliau dikekalkan dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas 31 Ogos 2025. Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh CIMB mengenai tempoh penebusan Hadiah dan lokasi cawangan melalui SMS atau WA atau EDM ke nombor telefon mudah alih dan/atau emel Pelanggan Layak yang dikekalkan dengan CIMB. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk menebus Hadiah dengan kos sendiri dari Pengurus Cawangan/Pengurus Perhubungan di cawangan masing-masing.
22. Untuk menebus Hadiah, CIMB mungkin memerlukan Pelanggan Layak untuk menyediakan dokumen tertentu untuk tujuan pengesahan. Jika Pelanggan Layak menghantar wakil untuk menebus Hadiah bagi pihaknya, Pelanggan yang Layak mesti memberikan kebenaran bertulis kepada wakil tersebut untuk tujuan penebusan.

23. Hadiah mesti ditebus oleh Pelanggan Layak atau wakilnya semasa tempoh penebusan seperti yang dinyatakan dalam SMS atau WA atau EDM CIMB. CIMB tidak akan melanjutkan tempoh penebusan atas apa jua sebab sekalipun. Jika Hadiah tidak ditebus pada akhir tempoh penebusan, Hadiah tersebut akan dilucuthakkan.
24. Hadiah-Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh diserahkan hak dan tidak boleh ditukar. Tiada bayaran atau pampasan sama ada dalam bentuk tunai, kredit atau jenis lain yang serupa akan dibayar oleh CIMB kepada Pelanggan Layak untuk sebarang Hadiah-Hadiah yang dilucuthakkan, tidak dikutip, salah letak, hilang, cacat, dicuri atau rosak.
25. Hadiah disediakan oleh vendor yang berkaitan di bawah terma dan syarat yang ditentukan oleh vendor tersebut dan oleh itu CIMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau goodwill, kerosakan langsung atau tidak langsung, secara kebetulan, akibat, contoh, punitif atau khas terhadap mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang berkaitan dengan Hadiah.
26. Pelanggan Layak perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut sebagai hasil daripada penerimaan Hadiah:-
 - i. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - ii. Untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi yang mungkin berlaku terhadap keadaan kewangannya sendiri.
27. Pelanggan Layak perlu memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-melnya yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang timbul daripadanya) yang dialami akibat kelewatan, tidak menerima SMS atau WA atau EDM CIMB oleh Pelanggan Layak atau sebarang kegagalan menebus Hadiah daripada cawangan masing-masing sekiranya nombor telefon dan/atau alamat e-mel Pelanggan yang Layak dalam rekod CIMB tidak dikemas kini atau betul.
28. Liabiliti CIMB berkenaan dengan Hadiah-Hadiah adalah hanya untuk membayar harga yang sama kepada pedagang(-pedagang) dan/atau pembekal(-pembekal).
29. Pelanggan Layak mengakui dan menerima bahawa Hadiah-Hadiah tidak disahkan oleh CIMB dan oleh sebab itu penyertaan Hadiah-Hadiah tidak boleh ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyorannya oleh CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk membantu atau bertindak bagi pihak Pelanggan yang Layak dalam berkomunikasi dengan pedagang dan/atau pembekal Hadiah-Hadiah.
30. Hadiah-Hadiah adalah ditawarkan oleh pedagang-pedagang berkenaan dibawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pedagang dan/atau pembekal dan oleh sebab itu CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, bersampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pedagang dan/atau pembekal berkaitan Hadiah-Hadiah.

Penglibatan Pedagang Pihak Ketiga dan/atau Pembekal untuk Hadiah

31. Hadiah-Hadiah adalah dibekalkan oleh pedagang(-pedagang) dan/atau pembekal(-pembekal) pihak ketiga dan CIMB bukanlah ejen kepada pedagang(-pedagang) dan/atau pembekal(-pembekal) Hadiah. Sehubungan itu, CIMB tidak membuat waranti atau pernyataan tentang kualiti, nilai, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan Hadiah-Hadiah dan tidak bertanggungjawab ke atas tindakan atau ketinggalan pedagang(-pedagang) dan/atau pembekal(-pembekal) atau sebarang kegagalan atau kecacatan dalam Hadiah-Hadiah yang Berkenaan.
32. Sebarang pertikaian, pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan tentang Hadiah-Hadiah diselesaikan secara terus dengan pedagang dan/atau pembekal.

Terma dan Syarat Am

33. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Program ini, mereka:-
- dikehendaki supaya membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
 - mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang melibatkan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;
 - bersetuju dengan pemprosesan dan pendedahan data peribadi mereka oleh CIMB, mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan www.cimb.com.my;
 - bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Program ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan adalah muktamad, megikat dan konklusif; dan
 - bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:-
 - kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - kegagalan elektrik;
 - pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
 - apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.
34. Pelanggan Layak akan dihilangkan kelayakannya untuk menyertai Program ini dan/atau hak penerimaan Hadiah akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Program dan/atau sebelum penebusan Hadiah:-
- Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal Produk Sertain yang didaftarkan;
 - Produk Sertain yang didaftarkan ditamatkan atau ditutup atau menjadi tertakluk pada apa-apa penahanan, perintah yang memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang; atau
 - Produk Sertain yang didaftarkan adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
35. CIMB berhak menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang diputuskannya sebagai:-
- mengganggu proses permohonan; dan/atau
 - bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.
36. CIMB berhak melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Program dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:-
- pengumuman dilaman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Program ini.

37. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, kerosakan langsung atau tidak langsung, sampungan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:-
- penyertaan atau tanpa penyertaan Pelanggan Layak dalam Program ini; dan/atau
 - sebarang WA atau SMS atau EDM oleh CIMB yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Pelanggan Layak

melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada, dan disebabkan secara langsung oleh, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

38. a. CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:-
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau

- iv. apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
 - b. Pindaan hendaklah dianggap mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
 - c. Jika perubahan itu dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**"), maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang dan Peraturan, dan CIMB akan memberitahu/memberikan notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini dengan seberapa segera yang mungkin.
 - d. Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang waktu yang tetap untuk melihat terma dan syarat Program ini dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan pada Terma dan Syarat ini.
39. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
40. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa CIMB tetap ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:-
- a. penyertaan Pelanggan Layak dalam Program; dan/atau
 - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
 - c. kemungkiran atau kegagalan Pelanggan Layak untuk mematuhi Terma dan Syarat ini
41. Terma dan Syarat ini:-
- a. hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan iklan Program ini; dan
 - b. harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Program, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
42. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang lazim Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan berkaitan lain yang padanya CIMB adalah tertakluk.
43. Jika CIMB tidak menggunakan sesuatu hak yang dipunyainya dalam Terma dan Syarat ini, perkara ini tidak menghalang CIMB daripada menggunakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dipunyai oleh CIMB pada masa hadapan.
44. a. Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan ("**CRU**") CIMB untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Program ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:-
- Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: 1300 885 300 (CIMB Preferred Call Centre)
E-mel: contactus@cimb.com
- b. CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
45. Jika produk/perkhidmatan berkaitan dengan Program ini yang telah dilanggan oleh Pelanggan Layak adalah ditawarkan oleh CIMB Bank sebarang pertanyaan Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, kebimbangan Pelanggan Layak akan diberi perhatian oleh CIMB Islamic.
46. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan kepada laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau mengkaji semula kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, maka Pelanggan Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga

atas risiko mereka sendiri, dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.